



---

### **Wakil Rakyat "langau" muncul lagi**

Sepertimana namanya, apabila ada sahaja bau tahi maka langau-langau ini akan muncul dengan banyaknya. Itulah nama saintifik yang digunakan untuk menunjukkan nama haiwan-haiwan parasit yang sering mendatangkan penyakit kepada kita semua.

Begitu juga kepada Wakil-Wakil Rakyat "langau" yang ketika ini berkeliaran disekeliling pemimpin-pemimpin besar dalam setiap lawatan atau majlis rasmi Kerajaan yang diadakan. Bukan itu itu, wakil rakyat "langau" ini tidak mengendahkan langsung atau dapat membezakan majlis tersebut majlis sosial atau majlis tidak rasmi. Yang penting "langau" ini dapat menunjukkan muka mereka atau setidak-tidaknya pemimpin atau boss mereka tahu dan nampak muka mereka.

Sebagaimana kita maklum, negeri di utara Malaysia seperti Kedah mengalami bencana banjir yang luar biasa. Bukan itu sahaja, kemunculan langau-langau di sekitar kawasan Kedah ini juga amat luar biasa kerana "langau" keluar terlalu banyak sehingga menyulitkan orang ramai. Ini diakui sendiri oleh YAB TPM semasa membuat lawatan kepada beberapa penempatan mangsa manjir di Kedah.

Apakan tidak, mereka yang membuat lawatan dengan "langau" yang mengiringi YAB. TPM begitu ramai berbanding dengan pegawai yang berkenaan. Kenderaan "langau" yang mengiringi YAB. TPM melebihi 40 buah kenderaan.

Mentang-mentang nak pilihanraya dan YAB. TPM akan jadi PM tak lama lagi maka wakil rakyat "langau" ini tidak segan silu berkeliaran hanya semata-mata nak menunjukkan mereka komited dengan rakyat jelata. Memang muka tak tahu malu dan muka tebal .....

Apakah ini sikap sebenar wakil-wakil rakyat yang bakal mewakili pengundi-pengundi? Mengapa perkara sedemikian berlaku atau ianya merupakan satu trend baru yang bakal muncul tidak lama lagi. Walau apapun yang berlaku wakil rakyat "langau" ini perlu membuat keputusan sekarang dan pendirian mereka samada mereka telah memberi sumbangan kepada rakyat.

Nak sarankan kepada wakil-wakil rakyat "langau" ni, apa salahnya kalau YAB. TPM melawat zon A, "langau-langau" bolehlah buat rancangan lain buat lawatan ke zon B dan jangan lupa bawa sekali bantuan yang hendak dihulurkan kepada mangsa banjir. Secara tidak langsung ringan sikit beban YAB TPM taklah nak kena melawat semua kawasan.

Kadangkang kebodohan wakil rakyat "langau" yang selama ini disorok dipamirkan kepada rakyat secara tidak langsung untuk tontonan rakyat jelata. Yang lebih menghairankan semasa lawatan YAB TPM ternyata gigi seluarnya basah tetapi gigi-gigi seluar wakil rakyat "langau" langsung tidak basah. Hairan bin ajaib ..... dunia oh dunia

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.